

DATE: 3/2/2008

Kemerdekaan Singapura

Era Baru - 3/2/2008

APABILA Persekutuan Tanah Melayu atau *Federation of Malaya* ditubuhkan pada tahun 1948 dan mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Pulau Pinang dan Melaka, tanah jajahan British, atau British colonies menjadi sebahagian daripada wilayah Persekutuan Tanah Melayu. Tetapi, Singapura yang juga berasal dari negeri Melayu iaitu Johor dan menjadi coloni British setaraf dengan Pulau Pinang dan Melaka tidak termasuk dalam wilayah Persekutuan Tanah Melayu.

2. Mungkin ada yang berpendapat Singapura telah dijual terus kepada British sedangkan Pulau Pinang hanya di sewa dengan bayaran tahunan 10,000 dolar. Tetapi Melaka menjadi British kerana ia asalnya ditakluk oleh Portugis, kemudian oleh Belanda. Melalui perjanjian Utrecht Belanda bersetuju menukar Melaka dengan Betawi (Jakarta), yang dimiliki British. Apabila Sultan Melaka kalah perang, haknya ke atas Melaka hilang sama sekali. Tidak ada apa-apa perjanjian antara Portugis dengan Sultan Melaka seperti perjanjian oleh Raja-raja Melayu dengan British untuk menerima nasihat dan perlindungan British.

3. Namun Melaka dianggap sebagai sebahagian Tanah Melayu dan diterima masuk dalam Persekutuan Tanah Melayu. Singapura yang memang sebahagian daripada Tanah Melayu dari segi sejarah dan geografinya tidak dituntut oleh pejuang-pejuang nasional Malaya sedang hak Persekutuan Tanah Melayu ke atas Singapura adalah lebih dari hak mereka ke atas Melaka.

4. Tetapi apabila Malaysia ditubuhkan Singapura diterima sebagai sebahagian daripada negara baru ini. Malangnya tidak lama. Selepas tiga tahun Singapura diasingkan dan menjadi negara bebas.

Kenapa?

5. Sebabnya ialah kerana Malaysia, mengikut istilah pasar, "tak makan cekak" iaitu tidak



DYMM Tuanku Sultan Iskandar ibni Almarhum Sultan Ismail, Sultan Johor, telah berkenan untuk mencemar duli dan merasmikan SJER yang dinamakan semula sebagai Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) dalam satu upacara khas di Danga Bay, Johor Bahru pada 4 November 2006.

berupaya menguasai Singapura. Walaupun perjanjian secara rasmi dibuat antara Tunku dengan Lee Kuan Yew untuk PAP Singapura tidak aktif di Semenanjung, dalam Pilihanraya 1964, PAP tetap meletak calon-calonnya di Semenanjung. Mereka kalah tetapi Tunku tahu dalam pilihanraya akan datang mereka berupaya menawan sokongan sebahagian daripada pengundi Cina. Tidak ada jaminan dalam pilihanraya-pilihanraya akan datang sokongan orang Cina di Semenanjung kepada PAP tidak akan meningkat.

6. Di waktu Tunku membentuk Malaysia, beliau percaya jumlah penduduk bumiputera di Sabah dan Sarawak melebihi jumlah penduduk Cina di Singapura. Tetapi perhitungan Tunku salah. Jika dijumlah orang Melayu bersama dengan bumiputera Sabah dan Sarawak, bilangan mereka

sebenarnya kurang daripada jumlah bukan Melayu atau bumiputera di seluruh Malaysia.

7. Lagi pun sementara Cina Semenanjung biasa bekerjasama dengan Melayu, Cina Singapura hanya tahu Melayu sebagai pemandu kereta, buruh kasar atau kakitangan rendah (*orderly* atau *office boy*) sahaja. Melayu Singapuru-

Akhirnya wilayah yang mewah ini akan menjadi wilayah kembar kepada Singapura dengan diduduki oleh 3 hingga 4 million rakyat Singapura. Mereka bukan rakyat Malaysia. Mereka tidak punyai hak rakyat Malaysia. Tetapi setakat manakah Kerajaan Malaysia dapat menguasai dan mentadbir wilayah ini?

8. Dengan perkataan lain mereka tidak pernah berkuasa. Tidak ada tanah dan harta yang bernilai yang dimiliki oleh mereka. Jumlah Melayu di Singapura hanya 15% daripada jumlah penduduk.

TUN Dr. Mahathir adalah bekas Perdana Menteri Malaysia. Pernah menjadi pengarang majalah Darulaman terbitan Sultan Abdul Hamid Collage, Alor Setar pada 1945 ketika beliau menuntut di sana. Tun Dr Mahathir meneruskan minatnya menulis apabila melanjutkan pengajian di Universiti Malaya, Singapura pada tahun berikutnya.

Tulisan beliau kali ini adalah untuk menyedarkan rakyat Malaysia tentang baik buruknya Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI), dilaksanakan. Pelaksanaan WPI juga memberi kesan kepada kedaulatan dan kestabilan politik dalam negara. Dasar yang dijalankan adalah lebih membawa keuntungan kepada pihak luar dari rakyat Johor khususnya.

Di harap tulisan beliau akan dapat membuatkan rakyat berfikir dengan rasional dan insaf supaya tidak ada lagi pihak luar dapat mengambil kesempatan ke atas negara kita. Wassalam.



CHE. Det menulis



Singapura tidak merupakan negeri Melayu lagi. Singapura sudah jadi negeri orang, khususnya negeri orang Cina. Singapura tidak mungkin terima pemerintahan yang berpusat di Kuala Lumpur.

9. Kalauah sebahagian dari Selatan Johor dibuka untuk dibangunkan oleh Singapura, wilayah ini tentulah akan maju seperti Singapura. Apa yang kita lihat di Singapura, bangunan pencakar langitnya, shopping kom-

pleks mewah, rumah pangsaanya yang mahal-mahal belaka akan terdapat di wilayah yang dimajukan oleh orang Singapura dengan modal mereka.

10. Siapakah yang akan tinggal di wilayah ini? Singapura sedang menambah penduduknya dengan membawa masuk orang Cina dari negara Cina. Hasrat Singapura ialah untuk menambah penduduknya menjadi 8-10 juta. Sekarang ini pun ramai sudah penduduk tetap Singapura yang dibawa masuk daripada negara Cina.

11. Wilayah yang dibangunkan oleh Singapura memerlukan pekerja dan peniaga. Rakyat baru Singapura akan di salur ke wilayah selatan semenanjung untuk mengisi keperluan ini.

12. Orang Melayu Johor tentu akan mempertahankan wilayah ini. Tetapi apabila ditawarkan harga yang berlipat ganda untuk tanah mereka lama manakah mereka dapat bertahan. Lagipun tanah di luar wilayah bahagian ini amat murah. Jual sahajalah dan beli tanah di luar wilayah ini. Lagipun hasrat Kerajaan ialah untuk orang asing membangunkan wilayah

ini. Jika orang tidak jual tentulah tak terbangun wilayah ini.

13. Akhirnya wilayah yang mewah ini akan menjadi wilayah kembar kepada Singapura dengan diduduki oleh 3 hingga 4 million rakyat Singapura. Mereka bukan rakyat Malaysia. Mereka tidak punyai hak rakyat Malaysia. Tetapi setakat manakah Kerajaan Malaysia dapat menguasai dan mentadbir wilayah ini?


14. Biasanya apabila penduduk asing sudah terlalu ramai dan tinggal terlalu lama, mereka akan menuntut hak-hak untuk memerintah sendiri, hak yang tidak kurang dari yang dimiliki oleh rakyat Malaysia.

15. Seperti Singapura, Kerajaan Malaysia "tidak makan cekak" untuk memerintah wilayah yang penuh sesak dengan 3-4 million penduduk asing. Singapura akan menuntut dan akan sokong rakyatnya di wilayah ini. Jika berkenaan dengan wilayah yang jelas hak kita, kita tunduk kepada Singapura sekarang, bolehkah kita percaya kita tidak akan tunduk kepada Singapura berkenaan wilayah yang dibangunkan oleh Singapura, yang penduduknya ialah orang Singapura 90%, di mana terdapat sebilangan kecil orang Melayu yang terdiri daripada orang yang kaya kerana bersetuju menyerah satu lagi wilayah negara Malaysia, secara de facto, kepada orang asing.

Mungkinkah?

16. Tak mungkin. Takkanlah WPI ini akan menjadi seperti Singapura 50 atau 100 tahun lagi. Demikian jugalah pemikiran orang Melayu diwaktu Singapura dijajah pada tahun 1819. apakah ada orang Melayu dimasa itu yang meramal akan terbangun sebuah negara merdeka dari pulat hutan bakau yang dijual kepada British?

17. Justeru itu teruskan sahaja. Apa yang berlaku 100-200 tahun bahkan 50 tahun dari sekarang bukan tanggungjawab generasi ini. Asalkan kita senang apa peduli apa yang akan terjadi kepada anak cucu kita.



Keluasan

Pihak Berkuasa Tempatan

- MBJB
- MPJBT
- MPKU
- PBT Pasir Gudang
- PP Perancangan Tempatan Daerah Perintah

Pihak berkuasa Tempatan (PBT) dalam Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI).